

EKSPLOKASI PRINSIP AL-QURAN DAN PERANAN KECERDASAN BUATAN DALAM MENENTUKAN HAD KIFAYAH ZAKAT SECARA LESTARI^(*)

*(Exploring Quranic Principles and the Role of Artificial Intelligence in
Determining a Sustainable Zakat Had Kifayah)*

Fathinah Ismail¹, Qatrun Nada Mat Saad²,
Noor Saidatul Natrah Saaidun³, Hanis Hazwani Ahmad⁴

ABSTRACT

This study aims to explore the Qur'anic principles in determining had kifayah and to assess the role of artificial intelligence (AI) in supporting sustainable zakat distribution management. Using a qualitative approach with tafsir mawḍū'ī (thematic exegesis) and thematic analysis of relevant Qur'anic verses, the study identifies four main had kifayah principles: basic needs, social justice, economic sustainability, and the determination of asnaf. The findings indicate that the Qur'an emphasizes a balance between worldly and spiritual obligations, fairness in wealth distribution, and the protection of the welfare of those in need. In a modern management context, AI is seen as a complementary tool that can enhance efficiency, transparency, and accuracy in determining had kifayah through data profiling, predictive analytics, and decision-support systems grounded in Islamic values. Therefore, the integration of divine principles and

^(*) This article was submitted on: 14/07/2025 and accepted for publication on: 25/09/2025.

- ¹ Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin.
Email: fathinah@unisiraj.edu.my
- ² Pusat Pengajian Asasi, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin.
Email: qatrunnada@unisiraj.edu.my
- ³ Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin,
Email: saidatulnatrah@unisiraj.edu.my
- ⁴ School of Economics, Finance and Banking, Universiti Utara Malaysia.
Email: h.hazwani@uum.edu.my

technology can create a more targeted and inclusive zakat ecosystem, aligning with the Sustainable Development Goals (SDGs).

Keywords: *Qur'an, Had Kifayah, Zakat Distribution, Artificial Intelligence, Sustainability, SDGs*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka prinsip-prinsip al-Quran dalam penentuan *had kifayah* serta menilai peranan kecerdasan buatan (AI) dalam menyokong pengurusan agihan zakat secara lestari. Melalui pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah tafsir mawḍūʿī dan analisis tematik terhadap ayat-ayat al-Quran yang berkaitan, kajian ini menelusuri empat prinsip utama *had kifayah*: keperluan asas, keadilan sosial, kelestarian ekonomi, dan penentuan asnaf. Hasil dapatan menunjukkan bahawa al-Quran memberi penekanan kepada keseimbangan antara dunia dan akhirat, keadilan dalam pengagihan kekayaan serta perlindungan kebajikan golongan yang memerlukan. Dalam konteks pengurusan moden, AI dilihat sebagai instrumen pelengkap yang mampu mempertingkatkan kecekapan, ketelusan dan ketepatan dalam penentuan *had kifayah* melalui pemprofilan data, analitik ramalan dan sistem sokongan keputusan berasaskan nilai-nilai Islam. Justeru, integrasi antara prinsip wahyu dan teknologi dapat membentuk satu ekosistem zakat yang lebih bersasar dan inklusif, seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Kata Kunci: *Al-Quran, Had Kifayah, Agihan Zakat, Kecerdasan Buatan, Lestari, SDG*

1. PENGENALAN

Zakat merupakan salah satu daripada lima rukun Islam yang diwajibkan kepada setiap Muslim yang memenuhi syarat. Ia bukan sahaja mekanisme penyucian harta, bahkan menjadi instrumen sosial yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk menyantuni golongan yang memerlukan dan memperkukuh struktur keadilan dalam masyarakat. Kewajipan ini menjadi lambang ketaatan seorang hamba kepada Allah dalam pengurusan harta secara beretika dan bertanggungjawab. Allah SWT berfirman:

حُذِّ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلَّ عَلَيْهِمْ ۚ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ
لَهُمْ ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Terjemahan: Ambillah zakat daripada sebahagian harta mereka. Dengan zakat itu, kamu membersihkan dan menyucikan mereka, serta berdoa untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu menjadi ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.
Surah At-Tawbah (9:103)

Ayat ini membuktikan bahawa zakat bukan sahaja bersifat material, malah mengangkat nilai spiritual dan kesejahteraan jiwa, sekaligus menyemai ukhuwah dan kasih sayang dalam masyarakat Islam. Oleh itu, pengagihan zakat perlu dilakukan secara adil, telus dan berpandukan panduan syarak, bukan semata-mata berdasarkan angka statistik, tetapi perlu menelusuri realiti keperluan sebenar insan.

Salah satu elemen kritikal dalam pelaksanaan zakat ialah penetapan *had kifayah*, iaitu kadar minimum keperluan asas bagi seseorang untuk dikategorikan sebagai penerima zakat yang sah. Konsep ini tidak terhad kepada pemilikan harta semata-mata, bahkan merangkumi keupayaan memenuhi keperluan asas hidup seperti makanan, tempat tinggal, pendidikan dan kesihatan. *Had kifayah* mencerminkan nilai *ihsan*, *rahmah* dan keadilan yang ditekankan dalam Islam. Allah SWT berfirman:

لِلْفُقَرَاءِ الَّذِينَ أُخْصِرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَطِيعُونَ ضَرْبًا فِي الْأَرْضِ يَحْسَبُهُمُ
الْحَاهِلُ أَغْنِيَاءَ مِنَ التَّعَقُّفِ تَعْرِفُهُمْ بِسِيمَاهُمْ لَا يَسْأَلُونَ النَّاسَ إِلْحَافًا وَمَا
تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

Terjemahan: (Diberikan) kepada orang fakir yang terikat di jalan Allah; mereka tidak mampu mencari nafkah di bumi. Orang yang tidak mengetahui keadaan mereka menyangka mereka kaya kerana menjaga diri. Kamu dapat mengenali mereka melalui tanda-tandanya; mereka tidak meminta secara mendesak. Dan apa jua harta yang kamu nafkahkan, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui.

Surah Al-Baqarah (2:273)

Ayat ini menekankan betapa pentingnya ketelitian dan kehalusan dalam mengenal pasti mereka yang layak menerima zakat, terutamanya golongan fakir dan miskin yang menyembunyikan kesusahan mereka. Maka, pendekatan dalam menentukan *had kifayah* mestilah menyeluruh dan mempertimbangkan aspek

realiti kos hidup, bilangan tanggungan, lokasi tempat tinggal dan pelbagai faktor yang mempengaruhi kesejahteraan hidup.

Dalam konteks semasa, teknologi kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) menawarkan potensi besar dalam menambah baik pengurusan zakat, terutamanya dalam menentukan *had kifayah*. AI berupaya menganalisis data secara masa nyata seperti kos sara hidup, inflasi, data demografi dan keperluan individu secara lebih tepat dan berterusan. Walau bagaimanapun, penggunaan AI dalam sistem zakat tidak boleh bersifat mekanikal semata-mata tanpa disandarkan kepada panduan wahyu. Ia perlu bergerak seiring dengan nilai Rabbani dan etika Islam. Allah SWT mengingatkan:

لِلْفُقَرَاءِ الَّذِينَ أُحْصِرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَطِيعُونَ ضَرْبًا فِي الْأَرْضِ يَحْسَبُهُمُ
الْجَاهِلُ أَغْنِيَاءَ مِنَ التَّعَقُّفِ تَعْرِفُهُمْ بِسِيمَاهُمْ لَا يَسْأَلُونَ النَّاسَ إِلْحَافًا وَمَا
تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

Terjemahan: (Diberikan) kepada orang fakir yang terikat di jalan Allah; mereka tidak mampu mencari nafkah di bumi. Orang yang tidak mengetahui keadaan mereka menyangka mereka kaya kerana menjaga diri. Kamu dapat mengenali mereka melalui tanda-tandanya; mereka tidak meminta secara mendesak. Dan apa jua harta yang kamu nafkahkan, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui.

Surah Al-Baqarah (2:273)

Ayat ini menjelaskan bahawa prinsip keadilan, ihsan dan kasih sayang wajib menjadi teras dalam setiap bentuk pengurusan sumber dan agihan harta dalam Islam, termasuklah pengurusan zakat. Maka, integrasi teknologi AI dalam sistem zakat perlu dilaksanakan dengan bimbingan nilai-nilai Al-Quran agar keputusan yang diambil bukan sahaja tepat, tetapi juga berkat dan diberkati.

Kajian ini berhasrat untuk meneroka prinsip-prinsip utama al-Quran dalam menetapkan *had kifayah*, di samping menilai potensi AI sebagai alat bantu ke arah sistem pengurusan zakat yang lebih lestari, responsif dan berpaksikan redha Ilahi. Inisiatif ini juga selari dengan beberapa Matlamat Pembangunan Mampan/Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) seperti SDG 1 (Tiada Kemiskinan), SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamarataan), SDG 12 (Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab) dan SDG 16 (Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat). Dengan pendekatan yang berteraskan wahyu

dan inovasi teknologi secara beretika, diharapkan sistem zakat dapat ditambah baik demi kemaslahatan ummah secara menyeluruh dan berpanjangan.

2. SOROTAN LITERATUR

Dalam eksplorasi prinsip Al-Quran dan peranan AI dalam menentukan *had kifayah* zakat secara lestari, adalah penting untuk memahami kedua-dua aspek ini secara menyeluruh. Al-Quran memberikan panduan asas dalam pengurusan zakat, termasuk tujuan sosial dan spiritual, manakala AI menawarkan potensi teknologi untuk mengoptimumkan proses penentuan dan pengagihan zakat secara lebih efisien.

Selain pemahaman asas *had kifayah*, pengaplikasiannya dalam konteks semasa menjadi penting untuk memastikan pengagihan zakat relevan dengan keperluan hidup moden. *Had kifayah* kini boleh ditentukan berdasarkan kos sara hidup semasa, termasuk harga makanan, pendidikan, kesihatan, dan keperluan asas lain, supaya penerima zakat dapat mencapai tahap minimum hidup yang layak. Penggunaan teknologi dan data ekonomi terkini membolehkan pengiraan *had kifayah* lebih tepat dan dinamik, mengambil kira perubahan inflasi atau keadaan sosio-ekonomi. Contohnya, institusi zakat boleh menetapkan garis minimum bagi setiap kategori penerima, seperti fakir, miskin, dan asnaf lain serta mengemaskini jumlah ini secara berkala untuk mengekalkan keadilan dan kesejahteraan dalam pengagihan zakat (Ismail et al., 2022; Rahman et al., 2024).

Prinsip Al-Quran mengenai zakat menekankan bahawa membayar zakat merupakan salah satu rukun Islam, serta menegaskan tujuan zakat dalam mewujudkan keadilan sosial, pemberdayaan golongan miskin, dan kesejahteraan masyarakat. Perintah zakat bertujuan memberdayakan fakir dan miskin serta memastikan pengagihan harta dilakukan secara adil (Fajrina et al., 2020; Permata et al., 2023). *Had kifayah* merujuk kepada garis minimum keperluan hidup, ditetapkan bagi memastikan individu dapat memenuhi keperluan asas tanpa perlu mencari atau meminta belas kasihan (Ismail et al., 2022). Al-Quran juga menjelaskan pelbagai jenis zakat, seperti zakat mal dan zakat fitrah, untuk menyokong kesejahteraan masyarakat (Alim, 2023). Walau bagaimanapun, kajian terdahulu sering menumpukan kepada aspek material dan ekonomi sahaja, kurang memberi penekanan kepada integrasi prinsip Al-Quran dalam penentuan *had kifayah* secara lestari.

Seiring dengan perkembangan teknologi, AI muncul sebagai alat yang bukan sahaja berpotensi meningkatkan keberkesanan pengurusan zakat, tetapi juga mampu mengoptimumkan proses penentuan *had kifayah* secara lebih terperinci dan berasaskan data. Melalui analisis data besar (big data), AI boleh

menilai kos sara hidup semasa, struktur keluarga, bilangan tanggungan, lokasi kediaman, dan keperluan individu secara dinamik. Sistem ini menggunakan algoritma pembelajaran mesin (machine learning) untuk mengenal pasti corak pengagihan zakat yang adil dan menyesuaikan had kifayah berdasarkan perubahan inflasi atau keadaan sosio-ekonomi secara masa nyata. AI juga dapat membangunkan model prediktif untuk meramalkan keperluan masa depan asnaf, sekaligus membantu institusi zakat merancang pengagihan sumber secara lebih efisien. Selain itu, sistem AI boleh diselaraskan dengan prinsip Al-Quran dan syarak untuk memastikan pengiraan had kifayah bukan sahaja tepat secara teknikal, tetapi juga beretika dan berpaksikan nilai keadilan, rahmah dan karāmah. Dengan pemanfaatan data ekonomi dan sosial secara bersepadu, AI mampu meningkatkan ketelusan, kecekapan, dan ketepatan dalam pengagihan zakat, menjadikannya instrumen pemberdayaan ekonomi yang lestari dan responsif terhadap keperluan masyarakat (Syahrizal, 2025; Rahman et al., 2024).

Aplikasi praktikal AI termasuk platform analitik dan sistem pengurusan pengguna yang membantu institusi zakat mengenal pasti dan mengurus pembayar zakat wajib secara lebih bersepadu dan efisien (Fajar et al., 2019). Dengan pemanfaatan data ekonomi dan sosial secara masa nyata, AI dapat memberikan analisis yang lebih tepat mengenai keperluan individu dan kumpulan, menyokong penentuan had kifayah yang adil dan berkesan. Namun, kajian semasa masih kurang meneliti kaedah integrasi nilai Al-Quran dengan teknologi AI secara holistik untuk penentuan had kifayah.

Sorotan literatur ini menekankan dua aspek utama kajian: pertama, prinsip Al-Quran sebagai panduan untuk menentukan had kifayah zakat secara adil dan lestari; kedua, peranan AI sebagai alat untuk meningkatkan kecekapan, ketelusan, dan keberkesanan pengurusan serta pengagihan zakat. Gap yang wujud dalam kajian terdahulu ialah kurangnya kajian yang menggabungkan prinsip Al-Quran dengan teknologi AI secara menyeluruh, justeru kajian ini diperlukan untuk membangunkan model pengurusan zakat yang lebih mampan dan responsif terhadap keperluan masyarakat.

3. PERMASALAHAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Penentuan *had kifayah* iaitu tahap minimum keperluan asas seseorang yang melayakkannya sebagai penerima zakat, merupakan aspek penting dalam memastikan keadilan dan keberkesanan pengagihan zakat. Di Malaysia, pengiraan *had kifayah* lazimnya bergantung kepada data sosioekonomi seperti garis kemiskinan, kos sara hidup dan purata perbelanjaan isi rumah. Institusi zakat negeri seperti Majlis Agama Islam menetapkan kadar tersebut berpandukan statistik rasmi dan indikator ekonomi semasa. Walaupun pendekatan ini

memudahkan pentadbiran, ia sering mengabaikan dimensi spiritual, *rahmah* dan *karāmah* yang menjadi tunjang utama dalam sistem zakat menurut panduan Al-Quran.

Pendekatan sedia ada kadangkala tidak selari dengan nilai-nilai asas Islam seperti keadilan (*‘adl*), belas ihsan (*rahmah*), dan pemeliharaan maruah insan (*karāmah*), yang sepatutnya menjadi asas dalam menentukan kelayakan penerima zakat (Talib & Ahmad, 2019; Rehman, Hasan & Muhammad, 2021). Dalam banyak keadaan, pendekatan konvensional seperti penggunaan garis kemiskinan tidak mengambil kira perbezaan individu, seperti jumlah tanggungan, lokasi tempat tinggal atau keperluan khusus keluarga. Hal ini berisiko menghasilkan keputusan yang tidak menepati keperluan sebenar *asnaf* serta tidak menggambarkan kehalusan panduan wahyu dalam mengenal pasti mereka yang benar-benar memerlukan (Farahdina et al., 2025).

Walaupun pendekatan konvensional seperti penggunaan garis kemiskinan kadangkala berisiko tidak mencerminkan keperluan sebenar individu, kebanyakan badan zakat negeri di Malaysia telah mengambil kira faktor seperti jumlah tanggungan, lokasi tempat tinggal, dan keperluan khusus keluarga dalam pengiraan *had kifayah* (Ramli et al., 2023). Firman Allah SWT:

لِلْفُقَرَاءِ الَّذِينَ أُخْصِرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَطِيعُونَ ضَرْبًا فِي الْأَرْضِ يَحْسَبُهُمُ
الْجَاهِلُ أَغْنِيَاءَ مِنَ التَّعَقُّفِ تَعْرِفُهُمْ بِسِيمَاهُمْ لَا يَسْأَلُونَ النَّاسَ إِلْحَافًا وَمَا
تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

(Diberikan) kepada orang fakir yang terhalang dalam usaha mereka di jalan Allah; mereka tidak mampu mencari nafkah di bumi. Orang yang tidak mengetahui keadaan mereka menyangka mereka kaya kerana menjaga diri. Kamu mengenali mereka melalui ciri-ciri mereka; mereka tidak meminta secara paksa kepada orang lain. Dan apa jua harta yang kamu infakkan dengan baik, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui.

Surah Al-Baqarah (2:273)

Tambahan pula, terdapat perbezaan pelaksanaan *had kifayah* berlaku kerana ketiadaan standard berteraskan wahyu secara menyeluruh. Hal ini menimbulkan ketidakseimbangan dalam agihan zakat yang seharusnya berpaksikan keadilan dan *ihsan*. Pada masa yang sama, matlamat SDG yang dibentuk di peringkat global menyediakan satu rangka kerja pembangunan inklusif yang menekankan kesaksamaan sosial, ekonomi dan penjagaan alam sekitar. Walaupun SDG

bersifat universal, beberapa prinsipnya seperti pengurangan kemiskinan, tadbir urus baik dan keterangkuman sosial boleh diteladani dalam struktur penetapan *had kifayah* dengan penyesuaian kepada acuan Islam.

Dalam era Revolusi Industri Keempat, teknologi AI menawarkan peluang baharu untuk memperhalusi pengiraan *had kifayah* dengan menggunakan data besar secara masa nyata. AI berpotensi menganalisis kos sara hidup, struktur keluarga, beban kewangan dan lokasi kediaman secara terperinci dan berterusan. Namun begitu, penggunaan AI dalam sistem zakat masih terhad kepada proses automasi asas dan belum dibentuk berdasarkan prinsip wahyu yang mendalam (Sya'ban et al., 2024). Tanpa panduan Al-Quran, teknologi semata-mata tidak akan dapat menjamin keadilan dan *rahmah* seperti yang diharapkan dalam sistem zakat Islam.

Oleh itu, wujud keperluan mendesak untuk merangka satu pendekatan penentuan *had kifayah* yang menggabungkan petunjuk Al-Quran dan keupayaan teknologi secara lestari, agar sistem agihan zakat benar-benar membawa rahmat kepada masyarakat serta mendapat keredaan Allah SWT.

Kajian ini dijalankan dengan matlamat untuk menganalisis prinsip-prinsip al-Quran dalam penentuan *had kifayah* bagi tujuan pengagihan zakat yang lebih lestari, serta menilai potensi penggunaan teknologi AI dalam menyokong proses penetapan *had kifayah* tersebut. Dengan menggabungkan pendekatan wahyu dan inovasi teknologi, kajian yang berbentuk konseptual ini berhasrat untuk meningkatkan ketelusan, ketepatan dan kecekapan dalam pengurusan zakat selari dengan SDG.

4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk eksploratori dengan tumpuan utama kepada analisis kandungan al-Quran secara analisis tematik bagi meneroka prinsip-prinsip wahyu berkaitan penentuan *had kifayah* dalam pengurusan zakat secara lestari. Kaedah tafsir mawḍū'ī diaplikasikan dengan menghimpunkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan aspek kehidupan manusia dan prinsip pengurusan harta, khususnya yang menyentuh dimensi keperluan asas, keadilan sosial, kelestarian ekonomi dan penentuan asnaf.

Proses pemilihan ayat al-Quran dilaksanakan melalui tiga peringkat utama. Pertama, pengenalpastian ayat-ayat berkaitan tema zakat dan pengurusan harta dilakukan dengan meneliti kata kunci seperti *infaq*, *nafkah*, *keadilan*, *asnaf*, *israf*, *mizan* dan lain-lain yang muncul dalam teks al-Quran. Kedua, penyaringan dibuat berdasarkan tahap relevansi dengan isu *had kifayah* iaitu hanya ayat yang secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan keperluan asas,

keseimbangan dalam agihan, tanggungjawab sosial, serta larangan pembaziran yang diambil. Ketiga, ayat-ayat terpilih kemudiannya dikelompokkan mengikut empat dimensi utama yang menjadi asas analisis, iaitu keperluan asas, keadilan sosial, kelestarian ekonomi, dan penentuan asnaf.

Pemilihan dimensi-dimensi ini dibuat berdasarkan dua pertimbangan utama: (i) penegasan langsung al-Quran terhadap sesuatu nilai, dan (ii) kesesuaiannya dengan konteks penentuan *had kifayah* dalam agihan zakat. Keperluan asas dipilih kerana al-Quran menekankan makanan, pakaian, tempat tinggal dan kemudahan lain sebagai hak hidup yang wajib dipenuhi. Keadilan sosial diangkat kerana al-Quran menolak penindasan dan menuntut keseimbangan dalam pengagihan harta agar ketidaksamarataan tidak berleluasa. Kelestarian ekonomi diambil kerana zakat tidak hanya memenuhi keperluan segera, tetapi juga menjamin kesinambungan hidup, kestabilan masyarakat dan mengelakkan pembaziran. Seterusnya, penentuan asnaf ditetapkan secara jelas dalam Surah al-Tawbah ayat 60 dan ini menjadikannya asas dalam memastikan pengagihan zakat sah dan berkesan. Dalam kerangka pelaksanaan, aspek kepelbagaian tanggungan turut diambil kira kerana ia mempengaruhi kadar keperluan asas setiap keluarga.

Penafsiran ayat-ayat al-Quran ini disokong dengan rujukan kepada tafsir muktabar yang diiktiraf dalam tradisi keilmuan Islam. Antaranya ialah *Tafsir Fī Zilāl al-Qurʾān* oleh Asy-Syahid Sayyid Qutb yang menekankan aspek sosial dan keadilan (Sayyid Qutb, 2000). *Lubāb al-Tafsīr min Ibn Kathīr* digunakan bagi memahami konteks *Asbāb al-Nuzūl* dan huraian klasik tentang zakat (Ibn Kathir, 2008). *Tafsir Al-Azhar* oleh Hamka pula memberikan tafsiran yang kontekstual dengan masyarakat Melayu-Islam serantau (Hamka, 2012). Ketiga-tiga tafsir ini dijadikan asas dalam menganalisis prinsip-prinsip al-Quran yang membentuk kerangka *had kifayah* lestari.

Proses analisis tematik dilakukan dengan pengekodan induktif terhadap ayat-ayat terpilih, diikuti pemetaan tema-tema utama tersebut dan pengecaman kesepadanan antara prinsip al-Quran dengan matlamat SDG. Selain itu, kajian ini turut melibatkan analisis kandungan ke atas dokumen sekunder seperti jurnal akademik, laporan institusi zakat, polisi awam berkaitan AI, serta kajian terdahulu dalam bidang teknologi sosial Islam. Analisis ini menilai potensi penggunaan teknologi AI dalam menyokong penetapan *had kifayah*, khususnya melalui automasi pemprofilan asnaf, penilaian kos sara hidup, dan pemetaan sosioekonomi secara masa nyata. Penilaian terhadap integrasi AI ini dilaksanakan dengan mengambil kira prinsip etika Islam serta garis panduan nilai wahyu. Kajian konseptual ini bertujuan menambah baik kecekapan dan keadilan sistem

agihan zakat agar lebih inklusif, telus, dan responsif terhadap keperluan masyarakat semasa, sejajar dengan aspirasi SDG.

5. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

5.1 *Prinsip Al-Quran Dalam Penentuan Had Kifayah Bagi Pengagihan Zakat Secara Lestari*

Had kifayah merujuk kepada satu ukuran kecukupan minimum bagi menampung keperluan asas seseorang dan tanggungannya, agar penerima zakat memperoleh agihan yang mencukupi dan adil (Talib & Ahmad, 2019). Pelaksanaan konsep ini bertujuan memastikan hanya mereka yang benar-benar layak menerima zakat, memperoleh hak sewajarnya dalam sistem agihan. Berdasarkan analisis kandungan al-Quran, penentuan *had kifayah* berpaksikan kepada **empat** prinsip utama: keperluan asas, keadilan sosial, kelestarian ekonomi, dan penentuan asnaf selari dengan SDG (Rehman, Hasan & Muhammad, 2021).

Prinsip pertama ialah keperluan asas kehidupan, yang meliputi tempat tinggal, makanan, pakaian, dan kemudahan mobiliti. Allah SWT berfirman:

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ بُيُوتِكُمْ سَكَنًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنْ جُلُودِ الْأَنْعَامِ بُيُوتًا
تَسْتَخِفُّوهَا يَوْمَ ظَعْنِكُمْ وَيَوْمَ إِقَامَتِكُمْ ۖ وَمِنْ أَصْوَافِهَا وَأَوْبَارِهَا وَأَشْعَارِهَا أَثْنَا
وَمِثْلًا إِلَى حِينٍ

Dan Allah menjadikan bagi kamu rumah-rumah tempat tinggal dan Dia juga menjadikan bagi kamu dari kulit binatang ternak, khemah-khemah (tempat berteduh) yang ringan dibawa ke mana-mana semasa kamu merantau dan berhenti. Dia juga menjadikan dari jenis-jenis bulu, kulit dan rambut binatang ternak itu pelbagai perkakas rumah dan perhiasan untuk kamu gunakan sehingga ke suatu masa.

Surah An-Nahl (16:80)

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

“...dan kewajiban memberi makan dan pakaian kepada ibu itu adalah menurut cara yang sepatutnya...”, memberi isyarat bahawa nafkah, termasuk tempat tinggal, adalah tanggungjawab asas yang tidak boleh diabaikan.

Surah Al-Baqarah (2:233):

Ayat ini menyokong penekanan terhadap keperluan tempat tinggal sebagai asas kehidupan stabil. Elemen berikutnya adalah keperluan pakaian yang mana ia bertujuan bagi menutup aurat dan menyempurnakan ibadah seseorang. Firman Allah SWT:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ
إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا

Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menundukkan pandangan mereka dan memelihara kehormatan mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya.

Surah An-Nur (24:31)

Tambahan pula, Surah Al-A'raf (7:26) turut menekankan fungsi pakaian secara lebih menyeluruh:

يَا بَنِي آدَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُؤَارِي سَوْآتَكُمْ وَرِيشًا وَلِبَاسُ التَّقْوَىٰ ذَٰلِكَ
خَيْرٌ

“Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian yang menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang terbaik-baiknya.”

Surah Al-A'raf (7:26)

Pengangkutan juga termasuk dalam penentuan *had kifayah* disebabkan keperluannya bagi memudahkan seseorang menjalani kehidupan bahkan dapat mengelakkan daripada kesukaran dan kesulitan. Allah berfirman:

رَبُّكُمُ الَّذِي يُرْجِي لَكُمْ الْفُلْكَ فِي الْبَحْرِ لِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ ۚ إِنَّهُ كَانَ بِكُمْ
رَحِيمًا

Tuhan kamulah yang menjalankan untuk kamu kapal-kapal di laut, supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya;

sesungguhnya Ia adalah Maha Mengasihani kepada kamu. Surah Al-Isra' (17:66)

Ini menunjukkan pengangkutan sebagai satu bentuk kemudahan mobiliti yang penting, bahkan dalam konteks semasa, melibatkan kenderaan darat dan teknologi komunikasi moden.

Bagi prinsip kedua iaitu keadilan sosial, prinsip ini menekankan agihan zakat yang adil dan saksama dengan mengambil kira perbezaan taraf hidup, jumlah tanggungan, lokasi, dan keperluan khusus individu. Allah SWT berfirman:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ

“...Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan menurunkan bersama mereka Kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat menjalankan keadilan...”

Surah Al-Hadid (57:25)

Ayat ini menegaskan bahawa keadilan adalah matlamat utama setiap sistem yang berpaksikan wahyu, termasuk institusi zakat. Dengan tadbir urus yang telus dan berintegriti, sistem zakat dapat memastikan kemaslahatan masyarakat terpelihara serta mengurangkan ketidaksamarataan, selaras dengan SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan dan SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat.

Pengukuhan institusi zakat melalui akauntabiliti, ketelusan, dan penggunaan teknologi seperti AI, sejajar dengan wahyu, menunjukkan kepentingan membina institusi yang adil dan berkesan.

Prinsip ketiga, iaitu kelestarian ekonomi, menekankan penggunaan sumber secara sederhana dan berhemah agar manfaat zakat berterusan tanpa pembaziran. Dalam konteks *had kifayah*, pengagihan zakat bukan sekadar memenuhi keperluan asas tetapi juga mendidik masyarakat agar berbelanja secara bertanggungjawab, selari dengan SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab. Ayat-ayat al-Quran yang menegaskan prinsip ini termasuk

كُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

“Makan dan minumlah, dan janganlah berlebih-lebihan; sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan.”

Surah Al-A‘rāf (7:31)

Ayat ini menunjukkan bahawa setiap bentuk pengagihan, termasuk zakat, mesti berpaksikan prinsip kesederhanaan dan keseimbangan agar manfaatnya kekal mampan. Justeru, *had kifayah* dalam agihan zakat bukan sahaja memastikan penerima mendapat keperluan minimum yang mencukupi, malah menegakkan nilai tanggungjawab dalam penggunaan sumber yang Allah anugerahkan.

Setiap golongan asnaf yang ditetapkan dalam sistem zakat menggambarkan penekanan Islam terhadap keadilan sosial, kelestarian ekonomi dan pembangunan yang seimbang. Ketetapan ini selari dengan aspirasi SDG, khususnya dalam usaha menghapuskan kemiskinan, mengurangkan ketidaksamarataan serta membina institusi yang adil, aman dan berkesan. Dalam kerangka ini, kelestarian merupakan prinsip teras yang ditekankan oleh al-Quran. Allah SWT berfirman:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا ۚ إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ
مِّنَ الْمُحْسِنِينَ

Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya.

Surah Al-A‘rāf (7:56)

Ayat ini memberi peringatan bahawa kerosakan terhadap sistem sosial dan alam sekitar yang telah diperbaiki oleh Allah adalah suatu bentuk pengabaian amanah. Maka dalam konteks zakat, ayat ini menjadi asas kepada prinsip pengurusan yang beretika dan lestari agar sistem agihan tidak menindas penerima mahupun mewujudkan ketidakseimbangan dalam masyarakat.

Di samping itu, Surah Al-Qasas (28:77) turut menegaskan kepentingan keseimbangan antara urusan dunia dan akhirat:

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا
أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

“Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu di dunia; berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan.”

Surah Al-Qasas (28:77)

Ayat ini memperlihatkan bahawa prinsip kelestarian dalam pengurusan zakat perlu mengambil kira kesejahteraan semasa serta matlamat jangka panjang yang diberkati, agar keseimbangan kehidupan duniawi dan ukhrawi dapat dicapai.

Prinsip keempat iaitu penentuan asnaf menekankan bahawa zakat diagihkan kepada golongan yang benar-benar layak (asnaf) bagi memastikan bantuan sampai secara tepat dan berkesan. Lapan golongan asnaf disenaraikan dalam Surah al-Tawbah ayat 60: fakir, miskin, amil, muallaf, riqab, gharimin, fi sabilillah, dan ibnus sabil. Penentuan asnaf ini secara langsung menyokong SDG 1: Tiada Kemiskinan dan SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan.

Golongan asnaf dijelaskan secara ringkas seperti berikut:

1. Fakir – tidak mempunyai sebarang sumber pendapatan.
2. Miskin – mempunyai sedikit pendapatan tetapi tidak mencukupi untuk keperluan hidup.
3. Amil – mereka yang dilantik secara rasmi untuk mengurus dan mengagih zakat.
4. Muallaf – individu yang baru memeluk Islam atau yang hatinya cenderung kepada Islam.
5. Riqab – hamba yang ingin membebaskan diri daripada perhambaan.
6. Gharimin – individu yang berhutang demi kelangsungan hidup dan bukan kerana maksiat.
7. Fi sabilillah – segala usaha dan perjuangan di jalan Allah, termasuk pendidikan, kebajikan dan pembangunan ummah.

8. Ibnu Sabil – musafir yang kehabisan bekal atau sumber kewangan.

Agihan zakat kepada golongan fakir dan miskin secara langsung menyokong SDG 1: Tiada Kemiskinan. Ini ditegaskan dalam Surah Al-Hashr (59:7)

كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ

“...supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu...”, yang menggambarkan fungsi zakat sebagai alat pengagihan semula kekayaan untuk merapatkan jurang sosioekonomi.

Surah Al-Hashr (59:7)

Selain itu, pelaksanaan *had kifayah* yang menilai keperluan asas dan tanggungan individu turut menyokong SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan. Firman Allah SWT dalam Surah An-Nahl (16:71) menekankan keperluan pengurusan kekayaan secara adil:

وَاللَّهُ فَضَّلَ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ فِي الرِّزْقِ

“Dan Allah melebihkan sebahagian kamu daripada sebahagian yang lain dalam hal rezeki...”, yang mengisyaratkan perlunya pengurusan kekayaan secara adil untuk menyeimbangkan ketidaksamarataan dalam masyarakat.

Surah An-Nahl (16:71)

Kesimpulannya, prinsip-prinsip zakat yang digariskan dalam al-Quran khususnya berkaitan kelestarian, keadilan dan keseimbangan hidup yang bukan sahaja menjadi asas kepada pelaksanaan *had kifayah* secara bersepadu, malah turut menyumbang secara langsung kepada pencapaian matlamat SDG. Gabungan antara nilai-nilai wahyu dan strategi pembangunan moden, termasuk penggunaan teknologi seperti AI, berpotensi memperkasa sistem agihan zakat agar lebih lestari, menyeluruh, dan inklusif.

Jadual 1

Analisis Tematik Prinsip Al-Quran Dalam Penentuan Had Kifayah Secara Lestari

Matlamat SDG	Prinsip al-Quran	Ayat al-Quran	Penjelasan dalam Konteks <i>Had Kifayah</i>
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Larangan pengumpulan	Surah al-Hashr: 7	Zakat sebagai mekanisme pengagihan

	kekayaan oleh golongan kaya		kekayaan dapat mengurangkan kemiskinan dengan memastikan penerima zakat menerima keperluan mencukupi berdasarkan kadar <i>had kifayah</i> .
	8 golongan asnaf ditentukan secara jelas	Surah al-Tawbah: 60	Penentuan asnaf memandu pengagihan zakat kepada golongan yang benar-benar layak, memastikan mereka keluar dari kitaran kemiskinan melalui bantuan yang mencukupi dan berkala.
	Tempat tinggal sebagai keperluan utama	Surah al-Nahl: 80	Menunjukkan bahawa tempat tinggal merupakan keperluan asas yang perlu dipenuhi dalam penentuan kadar <i>had kifayah</i> .
	Nafkah (makan, pakaian) sebagai tanggungjawab asas	Surah al-Baqarah: 233	Keperluan asas termasuk makanan dan pakaian perlu disediakan secara “patut”, iaitu munasabah mengikut keadaan semasa dan keperluan penerima.
	Pakaian sebagai penutup aurat dan simbol taqwa	Surah an-Nur: 31; al-A‘rāf: 26	Keperluan pakaian tidak hanya berfungsi secara fizikal, tetapi juga dari segi maruah, ibadah dan sosial.
	Pengangkutan sebagai kemudahan mobiliti	Surah al-Isra’: 66	Kemudahan pengangkutan termasuk keperluan untuk bekerja, mendapatkan pendidikan, dan

			keperluan harian lain turut diambil kira dalam <i>had kifayah</i> .
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan	Perbezaan rezeki menuntut keadilan dalam agihan	Surah al-Ḥadīd: 25; al-Nahl: 71	<i>Had kifayah</i> mengiktiraf perbezaan taraf hidup dan saiz tanggungan, seterusnya mengurangkan ketidaksamarataan melalui pengagihan yang lebih adil dan berasaskan realiti penerima.
SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab	Larangan membuat kerosakan selepas pemulihan	Surah al-A‘rāf: 31 & 56; al-Qasas: 77	Penekanan kepada agihan zakat yang berpaksikan kesederhanaan dan keseimbangan, mengelakkan pembaziran, menekankan tanggungjawab penggunaan sumber, dan memastikan sistem tidak menindas atau membawa kerosakan sosial, alam sekitar, dan ekonomi.
SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat	Neraca keadilan sebagai asas institusi zakat	Surah al-Ḥadīd: 25	Institusi zakat perlu bersifat telus, saksama dan berpanduan wahyu. Penggunaan teknologi seperti AI harus menyokong prinsip akauntabiliti, keadilan, dan ketelusan dalam agihan zakat.

Bagi menekankan peranan AI dalam penentuan had kifayah zakat secara lestari, Jadual 2 berikut merumuskan fungsi utama AI, aplikasi praktikal, serta impaknya terhadap ketepatan, kecekapan, dan keadilan dalam pengagihan zakat.

Jadual 2

Peranan AI Dalam Penentuan Had Kifayah Zakat

Aspek Kajian	Fungsi / Peranan AI	Kebaikan / Sumbangan kepada Penentuan Had Kifayah	Rujukan
Pengumpulan Data	Mengumpul data sosio-ekonomi seperti kos sara hidup, jumlah tanggungan, lokasi kediaman, dan perbelanjaan isi rumah.	Membolehkan penentuan <i>had kifayah</i> lebih tepat dan dinamik berdasarkan keperluan sebenar penerima zakat.	Ismail et al., 2022; Rahman et al., 2024
Analisis Data / Big Data	Menganalisis corak ekonomi, inflasi, dan perbelanjaan isi rumah dengan algoritma pembelajaran mesin.	Membantu mengenal pasti kategori <i>asnaf</i> yang paling memerlukan, mengurangkan risiko kesilapan pengiraan.	Syahrizal, 2025
Model Prediktif	Meramalkan keperluan masa depan <i>asnaf</i> berdasarkan trend data semasa dan sejarah pengagihan zakat.	Membolehkan perancangan zakat secara proaktif dan lestari.	Fajar et al., 2019
Integrasi Syariah / Etika	Menyelaraskan keputusan AI dengan prinsip Al-Quran, memastikan pengiraan adil dan berpandukan nilai	Menjamin ketepatan teknikal dan kepatuhan syariah dalam penentuan <i>had kifayah</i> .	Ismail et al., 2022

	rahmah dan karāmah.		
Ketelusan & Kecekapan	Membolehkan institusi zakat mengurus pengagihan secara bersepadu dan memantau penggunaan dana zakat.	Meningkatkan kepercayaan masyarakat dan memastikan penggunaan zakat efisien serta bertanggungjawab.	Rahman et al., 2024

Jadual 2 ini menggambarkan peranan strategik AI dalam penentuan had kifayah zakat, termasuk pengumpulan dan analisis data sosioekonomi, penilaian keperluan penerima secara individu atau kumpulan, serta sokongan pengambilan keputusan yang lebih tepat, adil, dan berteraskan prinsip Islam. Integrasi AI membolehkan pengiraan had kifayah bersifat dinamik, telus, dan responsif terhadap perubahan ekonomi dan sosial, sekaligus memperkukuh keberkesanan dan kelestarian sistem pengurusan zakat.

5.2 *Potensi Penggunaan Teknologi AI Dalam Proses Penetapan Had Kifayah Secara Lestari*

Dalam konteks semasa, kemajuan teknologi AI mampu memudahkan urusan dalam kehidupan dengan meniru keupayaan otak manusia seperti berfikir, belajar dan membuat keputusan. Jika digunakan dengan betul, AI dapat meningkatkan kecekapan dan ketepatan dalam pengurusan zakat, termasuk dalam pemprofilan asnaf, analisis kos sara hidup semasa, dan pengurusan data demografi penerima zakat secara lebih bersasar. AI juga membolehkan institusi zakat melakukan pemantauan masa nyata dan penyesuaian automatik bagi cadangan *had kifayah* berdasarkan perubahan data ekonomi dan sosial. (Farahdina et al., 2025)

Walaupun teks kini menekankan potensi AI secara umum, perbincangan mengenai penentuan *had kifayah* asnaf boleh diperkukuh dengan menekankan mekanisme AI secara spesifik. AI mampu mengumpul data demografi, pendapatan, tanggungan keluarga, kos sara hidup semasa dan lokasi geografi setiap golongan asnaf. Berdasarkan input ini, algoritma boleh mengira cadangan *had kifayah* individu atau kumpulan, berbeza mengikut keperluan sebenar. Contohnya, fakir yang tiada sumber pendapatan akan ditentukan *had kifayah* yang lebih tinggi berbanding miskin dengan pendapatan minima, sementara AI

boleh menilai keperluan muallaf atau ibnu sabil berdasarkan konteks sosial dan kos perjalanan. Pendekatan ini menjadikan pengiraan *had kifayah* lebih bersasar, adil, dan responsif terhadap perubahan sosio-ekonomi, sekali gus memastikan pengagihan zakat memenuhi keperluan sebenar setiap penerima secara lestari (Farahdina et al., 2025; Syahrizal, 2025).

Dalam al-Quran terdapat ayat-ayat yang menyeru manusia untuk berfikir, meneliti serta mengkaji ciptaan Allah. Daripada proses tersebut maka lahirlah pelbagai teknologi yang menjadi alat bantuan dalam kehidupan seharian manusia. Allah SWT berfirman:

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ ۚ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَاطِلًا ۖ سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

“Iaitu orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri, duduk, dan berbaring mengiring; dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi sambil berkata: Wahai Tuhan kami, tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia. Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.”

Surah Āl ‘Imrān (3:191)

Ayat di atas menerangkan bahawa antara ciri-ciri ulul albab adalah mereka yang sentiasa mengingati Allah dalam setiap keadaan serta berfikir tentang ciptaan-Nya. Ia menjadi asas kepada penggalakan kajian dan inovasi teknologi, termasuklah AI, bagi membangunkan sistem yang telus, adil, dan lestari. Seterusnya, Allah berfirman dalam Surah Al-‘Ankabut (29:20)

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ بَدَأَ الْخَلْقَ ثُمَّ اللَّهُ يُنشِئُ النَّشْأَةَ الْآخِرَةَ ۚ إِنَّ
اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

“Katakanlah: ‘Mengembaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah telah memulakan ciptaan makhluk-makhluk dari asal jadinya; kemudian Allah akan memulakan ciptaan itu semula (pada hari akhirat) dalam bentuk kejadian yang baharu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.’”

Surah Al-` Ankabut (29:20)

Ayat ini menekankan kepentingan pemerhatian dan penyelidikan yang menjadi asas kepada pembangunan ilmu, pemodelan kecerdasan, dan analisis data untuk AI. SWT menyatakan:

وَلَوْ أَنَّمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ شَجَرَةٍ أَقْلَامٌ وَالْبَحْرُ يَمُدُّهُ مِنْ بَعْدِهِ سَبْعَةُ أَبْحُرٍ مَا نَفِذْتُ كَلِمَاتُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

“Dan sekiranya segala pohon yang ada di bumi menjadi pena, dan segala lautan (menjadi tinta), dengan dibantu kepadanya tujuh lautan lagi sesudah itu, nescaya tidak akan habis Kalimah-kalimah Allah itu ditulis. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

Surah Luqman (31:27)

Ayat ini menunjukkan keluasan ilmu Allah sebagai inspirasi kepada manusia untuk meneroka ilmu tanpa batas, termasuk dalam bidang sains data, AI, dan strategi pengagihan zakat yang berasaskan bukti (evidence-based).

Oleh yang demikian, AI ialah hasil dari ilmu, kajian dan penciptaan manusia yang digalakkan oleh al-Qur'an selagi mana ia digunakan dengan hikmah, adil, dan menjaga amanah sebagai khalifah. Walaupun AI tidak disebut secara langsung dalam al-Qur'an, prinsip asasnya selaras dengan ajaran Islam jika digunakan untuk kebaikan, khususnya dalam menentukan *had kifayah* secara lebih tepat, inklusif dan lestari.

Sehubungan itu, kemajuan teknologi AI membuka ruang baharu kepada institusi zakat untuk meningkatkan kecekapan, ketepatan, dan ketelusan dalam pengurusan agihan zakat. AI membolehkan institusi zakat melakukan simulasi senario, analisis risiko, dan penilaian dinamik untuk memastikan keadilan dan kelestarian agihan. Salah satu aplikasi utamanya ialah dalam analisis kos sara hidup, pembangunan sistem penilaian automatik, dan pengurusan data demografi penerima zakat, yang merupakan elemen penting dalam menentukan *had kifayah* secara lebih lestari dan berasaskan keperluan sebenar. Selain itu, AI boleh menyokong pelaporan impak zakat kepada masyarakat, serta penilaian keberkesanan agihan dari segi sosial, ekonomi dan kelestarian.

Penggunaan algoritma AI membolehkan sistem zakat menilai keperluan penerima berdasarkan data dinamik seperti lokasi geografi, saiz isi rumah, pendapatan sebenar dan kos sara hidup semasa. Kaedah ini mengatasi kelemahan kaedah manual yang statik dan terhad kepada purata tahunan. Pendekatan ini boleh menjana cadangan penetapan *had kifayah* yang lebih teliti, inklusif dan relevan secara masa nyata (Farahdina et al., 2025). Tambahan pula, AI dapat mengurangkan kesilapan manusia, meningkatkan ketelusan pengagihan, dan memberi sokongan kepada keputusan beretika yang berpaksikan prinsip keadilan, rahmah dan kemaslahatan ummah.

Teknologi analitik ramalan (predictive analytics) melalui AI membolehkan institusi zakat melakukan analisis impak secara lebih menyeluruh dan sistematik, termasuk mengenal pasti penerima yang berisiko tinggi untuk kekal atau kembali miskin, sekaligus memfokuskan bantuan secara strategik dan proaktif. Sistem zakat pintar ini mampu meningkatkan kecekapan pelaksanaan dan menjamin kebajikan asnaf (Syahrizal, 2025).

Kemajuan ini juga memerlukan kerjasama strategik antara institusi agama, pakar teknologi, dan akademik dalam membangunkan model AI yang patuh syariah dan sensitif terhadap realiti masyarakat Islam. Jurang kefahaman antara sektor teknologi dan institusi Islam masih wujud dan perlu dirapatkan melalui dasar inklusif serta pembangunan kapasiti (Mustapa, 2025).

Ini menjadikan AI bukan sekadar alat teknologi, tetapi instrumen sokongan ijtihad moden bagi memastikan *had kifayah* ditentukan secara adil, lestari, dan berpandukan wahyu. Hal ini disokong oleh firman Allah SWT dalam Surah Al-Mā'idah (5:2):

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan dalam melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.”

Surah Al-Mā'idah (5:2)

Model zakat yang berasaskan al-Quran serta disokong oleh AI berpotensi diangkat ke peringkat antarabangsa, khususnya dalam kalangan negara anggota OIC, serta menyokong aspirasi Malaysia sebagai hab kewangan Islam global melalui inovasi sosial berteraskan wahyu dan teknologi moden.

5.3 Propek Masa Hadapan Sistem Zakat

Penggunaan AI yang digabungkan dengan prinsip-prinsip al-Quran menawarkan ruang inovasi baharu dalam sistem zakat, khususnya dalam penentuan *had kifayah*. Gabungan ini berpotensi mewujudkan satu ekosistem zakat yang lebih bersasar, responsif dan lestari, sekaligus memperkukuh keadilan sosial. Prinsip ini disokong oleh firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.”

Surah Al-Nisā’ (4:58)

Penggunaan algoritma AI membolehkan sistem zakat menilai keperluan penerima berdasarkan data dinamik seperti lokasi geografi, saiz isi rumah, pendapatan sebenar dan kos sara hidup semasa. Kaedah ini mengatasi kelemahan kaedah manual yang statik dan terhad kepada purata tahunan. Kajian oleh Al-Bashir et al. (2021) menunjukkan bahawa pendekatan ini boleh menjana cadangan penetapan *had kifayah* yang lebih teliti, inklusif dan relevan secara masa nyata (Al-Bashir et al., 2021).

AI juga berpotensi menjadi alat bantu Ijtihād moden dalam menyokong pembuatan keputusan berdasarkan nilai-nilai al-Quran seperti keadilan (‘adl), kasih sayang (rahmah), dan kemaslahatan ummah. Hashim dan Hussin (2023) menegaskan bahawa penggabungan teknologi dengan prinsip Islam dapat mengelakkan kebergantungan kepada ukuran materialistik semata-mata dan membuka ruang kepada pertimbangan nilai rohani serta sosial (Hashim & Hussin, 2023). Seiring itu, Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ

“Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu sebagai penegak keadilan karena Allah, ketika menjadi saksi dengan adil.”

Surah Al-Mā'idah (5:8)

Teknologi analitik ramalan atau *predictive analytics* melalui AI membolehkan institusi zakat melakukan analisis impak secara lebih menyeluruh dan sistematik. Dengan pendekatan ini, institusi zakat boleh mengenal pasti penerima yang berisiko tinggi untuk kekal atau kembali miskin, sekaligus memfokuskan bantuan secara strategik dan proaktif. Yusoff dan Daud (2021) menekankan bahawa sistem zakat pintar ini mampu meningkatkan kecekapan pelaksanaan dan menjamin kebajikan asnaf (Yusoff & Daud, 2021).

Kemajuan ini memerlukan kerjasama strategik antara institusi agama, pakar teknologi dan akademik dalam membangunkan model AI yang patuh syariah dan sensitif terhadap realiti masyarakat Islam. Menurut Yaacob dan Shafiai (2022), jurang kefahaman antara sektor teknologi dan institusi Islam masih wujud dan perlu dirapatkan melalui dasar inklusif serta pembangunan kapasiti (Yaacob & Shafiai, 2022). Ini disokong oleh firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan dalam melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.”

Surah Al-Mā'idah (5:2)

Model zakat yang berasaskan al-Quran serta disokong oleh AI berpotensi untuk diangkat ke peringkat antarabangsa, khususnya dalam kalangan negara anggota OIC yang sedang menilai semula keberkesanan sistem zakat mereka. Hal ini juga menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi hab kewangan Islam global melalui inovasi sosial berteraskan wahyu dan teknologi moden. Firman Allah SWT:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ

“Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu, wahai umat Muhammad, satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia...”

Surah Al-Baqarah (2:143)

Secara keseluruhannya, prospek masa hadapan dalam penerapan AI bersama prinsip al-Quran dalam sistem zakat sangat menjanjikan. Ia bukan sahaja mampu memperkemas mekanisme agihan *had kifayah* secara telus dan bersasar, bahkan berpotensi mengangkat sistem zakat ke tahap kecekapan baharu yang berteraskan ilmu wahyu dan teknologi moden demi pembangunan ummah seiring kelestarian.

6. KESIMPULAN

Kajian ini telah memperlihatkan bagaimana prinsip-prinsip al-Quran memberi panduan yang jelas dan menyeluruh dalam menentukan *had kifayah* sebagai asas pengagihan zakat yang adil dan lestari. Melalui analisis tematik terhadap ayat-ayat al-Quran, empat prinsip utama telah dikenalpasti: keperluan asas kehidupan (tempat tinggal, pakaian dan pengangkutan), keadilan sosial, kelestarian ekonomi, dan penentuan kelayakan. Prinsip-prinsip ini bukan sahaja menegaskan elemen keadilan dan *rahmah*, malah seiring dengan SDG khususnya dalam usaha mengurangkan kemiskinan dan ketidaksamarataan.

Di samping itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa teknologi AI mempunyai potensi besar dalam memperkemas proses penetapan *had kifayah* secara lebih responsif dan bersasar. Melalui pemanfaatan data besar dan algoritma pintar, AI berupaya menganalisis kos sara hidup, struktur keluarga dan lokasi penerima zakat secara masa nyata. Namun, penggunaan teknologi ini perlu dipandu oleh nilai-nilai wahyu agar tidak terjerumus kepada pendekatan yang bersifat materialistik semata-mata.

Oleh itu, penemuan kajian ini menyokong keperluan kepada satu kerangka penetapan *had kifayah* yang berasaskan al-Quran dan disokong oleh kecanggihan teknologi secara beretika. Gabungan antara prinsip wahyu dan inovasi AI bukan sahaja dapat memperkukuh ketelusan dan kecekapan institusi zakat, bahkan turut menjadikan agihan zakat lebih lestari, menyeluruh dan berimpak tinggi kepada golongan asnaf serta pembangunan ummah secara keseluruhan. Hal ini selaras dengan peranan zakat sebagai instrumen keadilan sosial yang sentiasa relevan dalam semua zaman.

Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai melalui Skim Geran Penyelidikan Jangka Pendek Fasa 2 (STG-037/2024) yang disalurkan oleh Pusat Kecemerlangan Pendidikan

Faizuddin (FCoEE) di bawah Majlis Agama dan Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada pihak yang terlibat atas sokongan yang diberikan.

RUJUKAN

- Abdul Malik AbdulKarim Abmrullah (Hamka), Tafsir Al-Azhar, (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 2012).
- Al-Bashir, M. S. et al. (2021). Artificial Intelligence and Zakat: A Maqasid Shariah Perspective.
- Alim, H. N. (2023). Analisis makna zakat dalam al-quran: kajian teks dan konteks. *Akademik: Jurnal Mahasiswa Humanis*, 3(3), 161-169. <https://doi.org/10.37481/jmh.v3i3.617>
- Asy-Syahid Sayyid Qutb, terj. Yusoff Zaky Haji Yacob, Tafsir fi Zilalil Qur'an: Di Bawah Bayangan al-Qur'an, (Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 2000).
- Fajrina, A. N., Putra, F. R., & Sisillia, A. S. (2020). Optimalisasi pengelolaan zakat: implementasi dan implikasinya dalam perekonomian. *Journal of Islamic Economics and Finance Studies*, 1(1), 100. <https://doi.org/10.47700/jiefes.v1i1.1918>
- Farahdina Fazial, Mohd Mohaizam Md Ishak, Muhammad Saiful Islami Mohd Taher, & Nooramira Ghazali. (2025). Enhancing Zakat Management Through Digitalization: A Literature Review on Emerging Technologies and Best Practices. *Journal Information and Technology Management (JISTM)*, 10(38).
- Hashim, A. R., & Hussin, N. (2023). Data Governance and Ethical Implications of AI in Islamic Social Finance.
- Ibn Kathir, Lubābut Tafsīr min ibni Kathīr, ed. Abdullah bin Muhammad, terj. Abdul Ghoffar, Abu Ihsan, (Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'I, 2008).
- Ismail, A. M., Hasbullah, M., Zakaria, M., Salleh, A. Z., Nasir, M. H. N. M., Majid, A. H. A., & Rosman, A. S. (2022). Determination of had kifayah zakat among pre-graduate students at University Sains Islam Malaysia (USIM). *Journal for Educators, Teachers and Trainers*, 13(1). <https://doi.org/10.47750/jett.2022.13.01.010>
- Mustapa, M. (2025, September). Pendekatan Maqasid Syariah Dalam Menangani Isu Erika Kecerdasan Buatan (Ai): Suatu Kerangka Konsep. In *Proceedings Borneo Islamic International Conference eISSN 2948-5045 (Vol. 16, pp. 390-396)*.

- Permata, S., Abubakar, A., Sabry, M. S., Boni, S. Y., & Arifai, S. (2023). Strategi penanganan kemiskinan dalam perspektif al-quran. *Jurnal Asy-Syarikah: Jurnal Lembaga Keuangan, Ekonomi Dan Bisnis Islam*, 5(2), 164-177. <https://doi.org/10.47435/asy-syarikah.v5i2.2066>
- Rahman, A. A., Sofian, A. A. M., & Zakaria, N. Z. Y. (n.d.). Perbandingan kadar penolakan perbelanjaan diri yang berkeluarga dalam zakat di Malaysia: Peranan kecerdasan buatan (Artificial Intelligence). *Universiti Sultan Azlan Shah*. <https://doi.org/10.33102/pczyey50>
- Ramli, R., Baba, R., Omar, M. N., Yahya, M. A., Othman, S. H., Hashim, R., & Samri, N. (2023). Keperluan kajian semula had kifayah asnaf fakir dan miskin di bahagian zakat Melaka. *Jurnal'Ulwan*, 8(3), 381-397.
- Rehman, H. A., Hasan, H., & Muhammad, M. (2021). Compatibility of Sustainable Development Goals (SDGs) with Maqasid al-shariah: are there any missing goals. *Islamic Banking and Finance Review*, 8(2), 109-132.
- Syahrizal, H. (2025). Implementation of Artificial Intelligence in Zakat Management: A Predictive Management Model for Empowering Mustahik in Digitally Disadvantaged Cities. *IQRAR: Jurnal Akuntansi, Manajemen & Ekonomi Syariah*, 1(1), 31-39.
- Sya'ban, M., Fadlillah, A. M., & Hakim, L. (2024). AI-Based Zakat Management System: Opportunities and Ethical Challenges in Indonesia. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 6(1), 55-68.
- Talib, A. R., & Ahmad, H. (2019). Penilaian kelayakan asnaf fakir dan miskin berdasarkan had kifayah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1, 23-41.
- Yaacob, H., & Shafiai, M. H. M. (2022). Challenges in Digital Transformation of Islamic Institutions in Malaysia: A Case of Zakat Agencies.
- Yusoff, W. S. W., & Daud, N. M. (2021). Transformasi Zakat melalui Teknologi Digital: Cabaran dan Peluang.